

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Siti Zaila Husin

Editor

Yanti Suria Othman

Setiausaha

Nor Azura Ab Wahab

Pen. Setiausaha

Anisah Ismail

Pengarang

Suraiyah Harun

Muhammad Faiz Sabli

Nor Aishah Ali

Grafik

Mohd Faiz Mohd Esa

Jurufoto

Aminuddin Piramli

Kata-kata aluan Pengarang....

Assalamualaikum dan Salam Satu Malaysia.

Syukur Kehadrat Ilahi dengan limpah kurniannya sekali lagi Buletin JKSP mendapat rahmat dan innayatnya untuk bersama-sama di arena penulisan khususnya bagi penyampaian informasi dan maklumat serta aktiviti yang telah dijalankan oleh JKSP PPUKM sepanjang akhir tahun 2009 dan sekitar tahun ini. Dikesempatan ini juga saya selaku wakil Sidang Redaksi Buletin JKSP ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Ketua Jabatan JKSP sendiri kerana sentiasa memberi pandangan dan nasihat dalam menghidupkan kembara perjalanan buletin ini agar tidak layu dek kekangan masa dalam menghadapi tugas-tugas hakiki. Rantainya doa daripada seluruh warga JKSP juga mengharapkan agar buletin yang tidak seberapa ini dapat terus menerus menyampaikan informasi kemasyarakatan kepada semua pembaca di luar sana.

Akhir kalam, sambutlah serangkap pantun untuk tatapan bersama. Sekian, jumpa lagi di lain keluaran. InsyaAllah.

*Burung pungguk suaranya merdu
Terbang hinggap di dahan kencana
Amalan membaca jambatan ilmu
Suluh hidup penerang minda*



Berita Komuniti

Sumbangan Lembaga Zakat Selangor Kepada Pesakit TKPPPUKM

Pada 3 Februari 2010 telah berlangsungnya Majlis Penyampaian Sumbangan Lembaga Zakat Selangor kepada Tabung Kebajikan Pesakit PPUKM oleh Jabatan Pembangunan Ummah, Lembaga Zakat Selangor. Majlis yang penuh keberkatan itu telah dihadiri bersama oleh Dato' Dr. Noorimi Hj Morad selaku wakil Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah PPUKM dan turut dihadiri oleh kakitangan UKM dan PPUKM.

Majlis tersebut yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Lembaga, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Jaafar, PPUKM telah menyaksikan penyerahan 'mock-check' bernilai RM 30,000.00 oleh En. Abdul Malek Awang Besar, Ketua Jabatan Pembangunan Ummah, Lembaga Zakat Selangor kepada Dato Dr.Noorimi Hj Morad dan Pn.Suraiyah Harun, Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan PPUKM merangkap setiausaha TKPPPUKM.

TKPM Terima Sumbangan Daripada LGMAF



Majlis penyampaian replika cek Tabung Bantuan Perubatan Kumpulan Lion (LGMAF) kepada Tabung Kebajikan Pesakit PPUKM telah selamat disempurnakan pada 16 Jun 2010 bertempat di Bilik Sukmaria ,PPUKM. Majlis tersebut telah dihadiri oleh YBhg.Tan Sri Dato' Zain Muhammad Hashim selaku Pengerusi LGMAF dan beberapa kakitangan LGMAF . Turut mewarnai majlis penyampaian tersebut ialah YBhg. Dato' Dr. Noorimi Hj Morad, Ketua Pegawai Operasi, PPUKM, Ketua-Ketua Jabatan PPUKM dan Pegawai-Pegawai Kerja Sosial Perubatan. Majlis tersebut diserikan lagi dengan kehadiran pesakit-pesakit yang menerima bantuan LGMAF sepanjang tahun 2009. Pada tahun 2009, Tabung Bantuan Perubatan Kumpulan Lion meluluskan bantuan kewangan sebanyak RM 433,204.20 kepada seramai 64 orang pesakit yang menjalani rawatan di PPUKM.

Semoga usaha murni ini menjadi contoh kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk turut serta menghulurkan sumbangan sekaligus meringankan bebanan kewangan yang dihadapi oleh para pesakit di PPUKM.

Forum Umum Ke-2 Pusat Terapi Sel – 'Setiap Insan Adalah Penderma'

Pada 28 hingga 29 April 2009 diadakan, Forum Umum kedua, Pusat Terapi Sel, PPUKM.Serentak dengan Majlis Perasmian berkenaan dilancarkan logo dan Buletin Pusat Terapi Sel. Majlis Perasmian disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabuddin, Naib Canselor UKM. Forum Umum Kedua ini melibatkan pelbagai Jabatan di PPUKM dan agensi luar yang terima secara langsung dalam proses pemulihan dan perawatan pesakit. Antaranya ialah Jabatan Kerja Sosial Perubatan dan MAKNA.



Berita Komuniti

Majlis Sumbangan PERKIM kepada Tabung Rumah Perantaraan Flat Sri Labuan

Majlis penyampaian sumbangan oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Wanita PERKIM cawangan Kuala Lumpur Utara kepada Tabung Rumah Perantaraan Flat Sri Labuan telah selamat dilaksanakan pada 12 Mei 2010 di Bilik Sukmaria, PPUKM. Wanita Perkim Cawangan Utara menyumbangkan sebanyak RM 7,000.00 kepada Tabung Rumah Perantaraan Flat Sri Labuan. Antara aturcara yang dijalankan dalam majlis tersebut ialah penyerahan sumbangan kepada pesakit-pesakit dan lawatan ke Wad Ortopedik Perempuan. Pusat Perubatan UKM amnya dan Jabatan Kerja Sosial khususnya amat menghargai keprihatinan dan sokongan daripada pihak Pertubuhan Wanita Perkim Cawangan Kuala Lumpur yang selama ini banyak memberikan sumbangan khasnya dalam membiayai pengurusan penyelenggaraan Rumah Perantaraan Flat Sri Labuan.



Seminar / Bengkel Penjagaan Golongan Berkeperluan Khas : Wanita & Gadis

Satu seminar /bengkel Penjagaan Golongan berkeperluan Khas : Wanita Dan Gadis telah diadakan pada 25 Februari di Institut Sosial Malaysia (ISM), Sg Besi Kuala Lumpur. Seminar ini telah dihadiri oleh Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan , Pn. Suraiyah Harun dan Pegawai Kerja Sosial Perubatan Pn.Nor Azura Ab Wahab. Dalam seminar tersebut Puan Suraiyah Harun turut dijemput memberikan ceramah yang bertajuk "Pengurusan Kes Ibu Tanpa Nikah di PPUKM". Intipati ceramah beliau menerangkan berkenaan peranan Pegawai Kerja Sosial Perubatan PPUKM sebagai orang tengah dalam membantu ibu tanpa nikah tentang pilihan-pilihan yang boleh diambil untuk meneruskan kehidupan, memberi sokongan kepada klien dan memberi pendidikan secara tidak langsung terhadap peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan sebagai seorang ibu. Turut dibincangkan dalam ceramah tersebut ialah tentang kepentingan penglibatan keluarga dalam kes ibu tanpa nikah, disamping perancangan berkenaan pengurusan discaj, pendaftaran sivil kelahiran serta terapi sokongan yang diperlukan oleh klien. Dalam seminar itu juga turut dibentangkan berkenaan kajian ibu tanpa nikah yang dijalankan di PPUKM oleh Prof. Dr.Fatimah Abdullah. Semoga seminar yang dijalankan ini memberi pendedahan dan iktibar kepada semua peserta berkenaan pengurusan kes berkaitan wanita dan gadis.

Bengkel Pengenalan Terminologi 2010

Bengkel Pengenalan Terminologi 2010 Dalam Bidang Perubatan telah dijalankan pada 26 - 27 Mei 2010 di Dewan Kuliah 2, Blok Pendidikan, PPUKM. Bengkel tersebut yang dianjurkan oleh JKSP PPUKM telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Syed Zulkefli Syed Zakaria, Timbalan Dekan Pembangunan dan Sumber Manusia Profesional Fakulti Perubatan. Sepanjang bengkel tersebut, para peserta diberikan pengetahuan meliputi pelbagai bidang perubatan. Sesungguhnya bengkel ini banyak memberi impak yang positif dalam menambahkan lagi ilmu dan pengetahuan para peserta



Berita Komuniti

Seminar Pengurusan Psikososial Pesakit Mental Dalam Komuniti

Tanggal 21 hingga 22 Disember 2009 bertempat di Auditorium, PPUKM telah berlangsungnya Seminar Pengurusan Psikososial Pesakit Mental Dalam Komuniti anjuran Jabatan Kerja Sosial Perubatan PPUKM dengan kerjasama Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia. Majlis perasmian bagi seminar tersebut telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah PPUKM, YBhg. Prof Dato Dr.Lokman Saim. Antara objektif seminar ini ialah untuk mengeratkan "Networking" dalam komuniti khususnya antara pelbagai pihak terutama hospital, agensi bantuan, pihak swasta dan masyarakat dalam memantapkan pengurusan perkhidmatan pesakit mental dalam komuniti. Seminar tersebut memberikan impak yang positif kepada para peserta untuk berkongsi pengalaman dan pandangan berkaitan pengurusan psikososial pesakit mental di dalam komuniti

Minggu Kualiti PPUKM 2009- Konvensyen Program Amalan 5S

Buat julung kalinya, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia menganjurkan Minggu Kualiti PPUKM 2009 pada 5 hingga 9 Oktober 2009 yang lalu. Zon Yahoo dan Zon Royale berganding bahu dan terlibat secara langsung dalam menjayakan program yang berlangsung selama lima hari itu. Zon Yahoo dan Zon Royale berjaya mencipta sejarah mengungguli Johan bagi kategori Pengurusan Pejabat dan Pameran Terbaik. Syabas dan tahniah kepada ahli-ahli zon yang telah bekerja keras penuh komited dan dedikasi. Kemenangan ini adalah milik bersama dan sebagai galakan untuk kita memberikan yang lebih baik lagi pada masa akan datang.

CPD Nafkah : Realiti Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah



Demi meningkatkan keprofesionalisme kakitangan jabatan, JKSP PPUKM telah mengadakan satu ceramah dalam CPD yang bertajuk Nafkah : Realiti Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah. CPD yang berlangsung pada 13 April 2010 telah menjemput Dr. Hj Mohd Naim bin Hj Mokhtar dari Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk memberikan sesi ceramahnya. Intipati dalam CPD tersebut yang dianjurkan oleh JKSP PPUKM mensasarkan pembelaan terhadap golongan wanita yang mengalami krisis rumahtangga sekaligus menyampaikan wacana hakikat sebenar tentang berlakunya isu tersebut di negara ini. Kesimpulannya CPD tersebut memberikan pengetahuan tambahan kepada para Pegawai Kerja Sosial Perubatan yang hadir dan berkongsi pendapat serta pengalaman dalam menjalani intervensi kes bersama klien.

Berita Komuniti

JKSP Di Eye Carnival 2010

Pada 22-23 April 2010 bertempat di Lobi Utama PPUKM "Eye Carnival" anjuran Jabatan Oftalmologi di PPUKM telah diadakan dengan jayanya. Seperti tahun sebelumnya, pihak Jabatan Kerja Sosial Perubatan telah menyertai pameran yang dianjurkan untuk memberikan pendedahan kepada pengunjung terhadap peranan Jabatan Kerja Sosial Perubatan. Sambutan yang diberikan adalah sangat menggalakkan



JKSP PPUKM Terima Kunjungan 5S Dari Jabatan Penjara Jelevu, Negeri Sembilan

Satu kunjungan persahabatan telah diterima pada 10 Disember 2009 bertempat di Jabatan kerja Sosial Perubatan PPUKM. Kunjungan tersebut lebih menyaksikan kepada pemantapan program amalan 5S di mana kakitangan Penjara Jelevu sendiri telah turun padang untuk melihat dan berkongsi idea berkenaan program 5S bersama kakitangan JKSP. Lawatan daripada pihak penjara mendapat kerjasama daripada semua kakitangan JKSP khususnya daripada "person In Charge" di zon-zon Yahoo dan Royale.



Kompetensi Kerja Sosial

Oleh : *Suraiyah Harun*

KOMPETENSI DALAM KONTEKS AMALAN KERJA SOSIAL

Kompeten adalah merupakan suatu gabungan pengetahuan, nilai-nilai dan kemahiran secara bersama dengan proses memahami diri seseorang dan kesan proses-proses tersebut ke atas pihak lain serta ke atas pencapaian penyeliaan, intervensi dan hubungan interpersonal dengan rakan-rakan, pengguna atau lain-lain agensi yang berkaitan. Kompeten boleh ditakrifkan sebagai kebolehan melaksanakan, mengetahui dan memahami. (Probation Training Unit, 1994:1 dlm Vass. A). Pekerja sosial seharusnya berupaya melaksanakan berbagai tugas dan aktiviti di tempat kerja dengan penuh rasa keyakinan dengan melihat pencapaian akhir adalah matlamat yang ingin dicapai. Dalam memberikan keutamaan dalam melakukan kerja dan menguruskan beban tugasnya, pekerja sosial perlu menyedari bahawa mereka mengendalikan kes-kes dari berbagai latarbelakang sosiodemografi dan keperluan. Oleh itu, pekerja sosial juga perlu berkemahiran melakukan perundingan dan menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi menjalankan tugas yang berbeza. Selain daripada itu, seseorang pengamal sosial juga perlu berupaya menguruskan tekanan, perkara di luar jangkaan, kekeliruan, konflik dan gangguan yang tidak boleh dielakkan. Seterusnya, berupaya melaksanakan tugas mengikut masa yang diperlukan seperti aktiviti menyediakan laporan, lawatan dan mesyuarat. (Vass, A. 2001).

Definisi Kompetensi

Demonstrasi pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki secara piawai, dalam konteks yang diberikan, mengeluarkan hasil atau perkhidmatan dan kebolehan memindahkan pengetahuan dan kemahiran kepada konteks yang baru dan berbeza (AASW, Competency Standard, 1994). Kompeten adalah merupakan suatu konsep yang luas yang berasaskan kepada kebolehan untuk memindahkan kemahiran dan pengetahuan kepada situasi baru di dalam arena pekerjaan. Ianya merangkumi organisasi dan perancangan kerja, inovasi dalam menangani situasi yang bukan rutin. Ianya juga termasuk kualiti peribadi yang berkesan yang dikehendaki oleh tempat kerja untuk berurusan dengan rakan sekerja, pengurus dan pelanggan (NCVQ, 1988 dlm O'Hagan, 1996) Kompetensi memberikan gambaran maklumat mengenai keupayaan individu mengambil sesuatu aktiviti atau kumpulan aktiviti. Kompetensi yang piawai akan selalu mengambilkira bahawa dua perkara iaitu pengetahuan dan kemahiran serta bagaimana seseorang boleh melaksanakan atau menggunakan pengetahuan dan kemahiran di dalam tempat kerja. Kompetensi berguna sebagai prinsip meletakkan batu sempadan atau benchmark yang mana penilaian terhadap kebolehan dan prestasi boleh dibuat. (The Profesional Standard Council Of Australia, 2001)

Atribusi Kompetensi Dalam Kerja Sosial

Amalan kerja sosial yang diasaskan oleh nilai-nilai, dilakukan dalam bentuk tingkahlaku yang berkemahiran dan diberikan maklumat melalui pengetahuan adalah dikatakan sebagai amalan professional yang kompeten. Jelasnya, keupayaan seseorang individu itu menunjukkan kompetensi kerja sosial secara profesional adalah berasaskan fungsi yang saling bertukaran (interchange) dari tiga komponen utama iaitu nilai, pengetahuan dan kemahiran. Menurut Meemeduma (2004), terdapat enam kompetensi asas generik yang perlu dikuasai oleh pekerja sosial di Malaysia iaitu:

1. *Pengendalian Etika*

Komponennya:

- Keupayaan menyedari dan mengambilkira aspek moral orang lain
- Pengetahuan dan memahami kod etika profesional kerja sosial
- Kebolehan mengaplikasikan kod etika dalam amalan kerja

2. *Komunikasi Interpersonal*

Komponennya:

- Keupayaan berinteraksi dengan orang lain cara yang hormat dan mempunyai tujuan
- Kebolehan menyedari peranan dan sumbangan orang lain dalam interaksi berkomunikasi
- Kebolehan menggunakan strategi komunikasi secara lisan dan tulisan

3. *Refleksi Kognitif dan Pemikiran Kreatif*

Komponennya

- Berkebolehan menggunakan kemahiran konsep kognitif
- Keupayaan mengambilkira idea-idea abstrak
- Keupayaan bergerak dari abstrak kepada konkrit dan sebaliknya
- Keupayaan mengambilkira penyatuan pelbagai idea yang konseptual
- Kebolehan membangunkan dan articulate perbalahan logik dan beralasan
- Keupayaan menimbangkan persaingan idea dan sampai kepada kesimpulan yang logik

4. *Penyelesaian Masalah*

Komponennya:

- Keupayaan mengenalpasti dan melabelkan pengalaman yang bermasalah
- Keupayaan mengenalpasti bahagian komponen pengalaman masalah dan penyebab hubungan antara bahagian masalah
- Keupayaan mengenalpasti dan menimbangkan penyelesaian masalah
- Keupayaan menyemak semula penilaian dan strategi intervensi
- Kebolehan menggunakan pengetahuan untuk memaklumkan penilaian penyelesaian masalah dan intervensi

5. *Pengurusan Tugas*

Komponennya:

- Kebolehan mengenalpasti tugas daripada pelaksanaan kerja
- Kebolehan mengenalpasti tugas yang perlu diberikan keutamaan
- Keupayaan melaksanakan tugas strategi intervensi
- Kebolehan menyemak semula dan belajar dari penilaian dan pelaksanaan
- Kebolehan menyemak semula dan belajar rekabentuk tugas dan laksanakan pendekatan ini.

6. *Keupayaan Memimpin*

Komponennya:

- Memahami peranan kepimpinan dalam penyampaian perkhidmatan kemanusiaan
- Kebolehan memainkan peranan kepimpinan yang dikehendaki bagi keperluan amalan
- Berkeinginan bekerja dengan orang lain secara kolaboratif dan menghormati peranan kepimpinan
- Keupayaan memantau orang lain melalui peranan kepimpinannya

Berdasarkan ini, terdapat empat kompetensi profesional dikenalpasti bagi amalan kerja sosial di Malaysia berasaskan enam kompetensi generik di atas iaitu:

- Bekerja dengan individu, keluarga dan komuniti dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam intervensi kerja sosial
- Bekerja secara beretika dan professional dalam kerja sosial
- Bekerja secara profesional di dalam lingkungan organisasi
- Berkeupayaan mengambil tanggungjawab yang professional secara reflektif

Kesimpulan:

Kompetensi merupakan aspek penting sebagai rujukan bagi pembangunan, perancangan dan pelaksanaan pendidikan kerja sosial di Malaysia khususnya dalam kerja sosial perubatan. Dengan adanya kompetensi yang piawai, ianya boleh bertindak sebagai panduan dalam penyediaan latihan dan proses pembelajaran berterusan bagi bidang kerja sosial ke arah pencapaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

BAHAN RUJUKAN

Australian Association Of Social Worker (1994). *Australian Social Work Competency Standard fo Entry Level Social Work*, Canberra: AASW

O'Hagan, K (1996). *Competences in Social Work Practice*. Sage Publication, London, UK

Meemeduma, P. (2004). *Proposal of National Standard On Social Work Competencies for Malaysia*

Vass A. (2001). *Social Work Competences: Core Knowledge, Values & Skills*. Sage Publication. London. UK

Abstrak

Spelling out the social worker roles in 'end of life' care: A qualitative systematic review.

By: *Muhammad Faiz Sabli*

The role of the social worker is often highlighted in literature discussing 'end of life' or palliative care. However, there has been very little research done into the specific roles carried out by them (Clausen et al., 2005; Small, 2001; Sheldon, 2000). The objective of this study is to determine the roles of social workers in 'end of life' care.

This review also aims to establish any functional differences between social workers practising in 'end of life' and palliative care. In conducting a systematic literature review, six electronic databases were searched for the period of January 1999 – August 2009, along with hand searching key journals, reference lists of selected books and several internet websites.

Overall, 34 relevant studies were included and the analysis was assisted by abstraction of the key details of each study into a table. The result is the translation of these themes into one another. Based from this review, characteristics of the social workers roles in supporting people at 'end of life' care were justified.

This review also suggests an improvement towards several key areas including focusing on generating empirically-based knowledge for practice and policy analysis and developing a system of social work education that addresses the unique knowledge and skills needed to participate in end-of-life practice as competent and informed professional practitioners.

Sekalung Penghargaan

KENAIKAN PANGKAT

Puan Suraiyah Harun S 52
Puan Yanti Suria Othman S 44
Muhammad Faiz Sabli S 44
Puan Anisah Ismail S 32

KELAHIRAN CAHAYA MATA

Adik Adam Qayyum Bin Mohd Azril
Adik Ayuni Humairah Binti Kamaliahudi
Adik Muhammad Izdihar Hambali Bin Husaini
Adik Muhammad Irfan Zikri Bin Mohd Faiz
Adik Ainur Sakinah Binti Mohamad Aziz
Adik Mirza Dzulqarnain Bin Mohd Khairul Amilin

SELAMAT DATANG KE JKSP

En Aminuddin Piramli
Cik Nor Hajar Abu Bakar
Cik Nurul Wahida Azlan
Pn Siti Zubaidah Abd Rahman
Pn. Juliana Mohd Jamil

PERTUKARAN JABATAN

En Rodzaini Sabran
(Jab. Kesihatan Masyarakat, PPUKM)

Pn Masliza Saidon
(Jabatan Radiologi & Onkologi, PPUKM)

Pn Roziana Abdul Rahman
(Jabatan Kewangan, PPUKM)

